

**Fakta
nombor**

1,000
PENDUDUK

terjejas selepas
kediaman dinaiki
air hampir 1 meter

12
MILIMETER

limpahan
Empangan Air
Itam selepas
hujan lebat

Nafi dakwaan limpahan Empangan Air Itam punca bah

Georgetown: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menafikan dakwaan kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini berpunca daripada limpahan air dari Empangan Air Itam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa, berkata limpahan 12 milimeter (mm) dari empangan itu tidak menyumbang kepada banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini, kelmarin.

"Banjir kilat itu berpunca daripada hujan lebat pada paras 135 mm secara berterusan yang direkodkan PBAPP, bukan disebabkan limpahan air dari Empangan Air Itam yang berlaku pada jam 7.10 malam, kelmarin.

"Malah, hujan lebat turut menyebabkan runtuh tanah di kawasan berhampiran Kuil Kek Lok Si, Air Itam, yang menghubungkan jalan ke empangan berkenaan.

Giat lakukan kerja pembersihan

"Bagaimanapun, PBAPP dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri giat menjalankan kerja pembersihan serpihan runtuh terbabit," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, Kerajaan DAP Pulau Pinang sekali lagi menyalahkan Kerajaan Pusat susulan banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan di negeri ini.

EXCO Kerajaan Tempatan, Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri, Chow Kon Yeow, berkata kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini berpunca daripada kegagalan Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan projek tebatan banjir fasa kedua.

Susulan itu katanya, kerajaan negeri terpaksa memberhentikan seketika projek tebatan banjir itu, hingga berjaya mendapat peruntukan berjumlah RM350 juta daripada Kerajaan Pusat.

"Peruntukan ini diperlukan bagi

menangani masalah banjir di lembangan Sungai Pinang kerana aliran air di kawasan itu membatikan banyak lokasi termasuk Paya Terubong, Bandar Baru Air Itam, Jalan Air Itam, Jalan Lumba Kuda, Jelutong, Jalan P Ramlee, Jalan Datuk Keramat dan Jalan Sungai Pinang," katanya.

1,000 penduduk terjejas

Dalam kejadian hujan lebat yang berterusan hampir enam jam mulai kira-kira jam 4 petang kelmarin, lebih 1,000 penduduk sekitar pusat bandar, Air Itam, Jalan Masjid Negeri dan Jalan P Ramlee terjejas selepas kediaman mereka dinaiki air hingga hampir satu meter.

Cuaca buruk yang menyebabkan tanah runtuh dan pokok tumbang itu turut mengakibatkan kesesakan jalan raya teruk di bandar raya ini, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Sementara itu, Angin kencang Timur-Timur Laut dengan kelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) selain ketinggian ombak mencecah sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Labuan dan Sabah bermula hari ini hingga Sabtu ini.

Amaran angin kencang

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan semalam menyebut, keadaan itu berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Bagi tempoh sama, amaran angin kencang dan laut bergelora untuk aktiviti perkapalan turut dikeluarkan dengan jangkaan kelajuan angin antara 40 hingga 50 kmsj dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan perairan Phuket, Samui, Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Sulu, Labuan dan Reef South.